

## KEINDAHAN SENI DIALOG DALAM DAKWAH : KAJIAN DRAMA WAYANG KULIT WALI SONGO DAN DRAMA MELAYU

Aishah Binti Mohamad Said<sup>1</sup>, Azizan Binti Mohamed<sup>2</sup> Rokisah Binti Muda<sup>3</sup>

Jabatan Pengajian Am

Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Perak

[aishah\\_mohamad@psas.edu.my](mailto:aishah_mohamad@psas.edu.my), [azizan.mohamed@psas.edu.my](mailto:azizan.mohamed@psas.edu.my), [rokihah@psas.edu.my](mailto:rokihah@psas.edu.my)

### ABSTRAK

*Dakwah dalam skopnya yang sangat luas memerlukan pelbagai platform untuk membenarkannya berdiri teguh di atas paksi Islam yang sebenar. Antara cabang platform tersebut ialah kesenian. Namun begitu, tanggapan kurang tepat sesetengah masyarakat Islam tentang definisi seni dan hiburan telah menyempitkan ruang lingkup dakwah itu sendiri. Justeru, masyarakat perlu disedarkan bahawa dakwah lebih mudah diterima jika disalurkan melalui garapan seni yang antaranya terbias melalui drama, teater, nyanyian dan pelbagai aplikasi seni yang lain. Melalui pemerhatian, kenyataan bahawa pergerakan dakwah perlu berjalan seiring dengan konsep seni kontemporari sudah tidak boleh disangkal lagi. Malah seni terutamanya melalui drama perlu diketengahkan bagi menarik minat masyarakat mendekati Islam dengan cara yang lebih efektif dengan memberi perhatian khusus kepada aspek dialog atau skrip drama. Oleh yang demikian, usaha memartabatkan seni dakwah terutamanya melalui penggunaan dialog dalam drama perlu diberikan sentuhan dakwah dengan lebih serius. Ekoran situasi ini, pemerhatian bijak para pendakwah dan penggiat seni dalam mengoptimumkan fungsi seni dialog perlu diperhebat agar usaha dakwah melalui drama menduduki tempat yang utama dalam kalangan masyarakat sekaligus memberikan impak yang tinggi dalam merubah hidup ke arah yang lebih positif. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan dengan menengahkan seni dialog dalam drama Wayang Kulit Wali Songo dan drama Melayu. Seni dialog melalui dua saluran ini dipilih ekoran kehalusan seni bicaranya yang berjaya menyentuh hati audiens menerusi keindahan seni yang ada didalamnya. Justeru, objektif utama kajian adalah untuk memperincikan keistimewaan seni dialog dalam drama Wayang Kulit Wali Songo. Manakala objektif kedua ialah menganalisis kehalusan seni dialog dalam skrip drama Melayu. Metodologi dalam kajian ini telah memilih analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Pengumpulan data utamanya terdiri daripada dialog-dialog dalam drama Wayang Kulit Wali Songo dan drama Melayu yang dipilih secara purposive daripada koleksi-koleksi dialog melalui sumber yang diperakui selain daripada temubual bersama seorang penggiat seni drama tanah air. Data dianalisis dengan merujuk sepenuhnya kepada tulisan-tulisan hasil karya penulis terkenal. Dapatan daripada penulisan ini menunjukkan seni dialog dalam drama Wayang Kulit Wali Songo dan drama Melayu telah banyak memberikan kesan yang mendalam kepada masyarakat setempat ekoran wujudnya seni dialog yang menyentuh realiti hidup tanpa membuang adat kebiasaan mereka. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan contoh-contoh dialog yang dipilih kesemuanya mengandungi seni dialog yang sangat tinggi nilainya disamping penggunaan uslub dakwah yang menarik lagi berhikmah. Kertas kerja ini turut menemukan lima garis panduan dalam membina dialog sebagai rujukan pencinta skrip drama yang berunsurkan Islam. Justeru, adalah diharapkan kertas kerja ini dapat memberikan manfaat kepada para pendakwah mahupun sesiapa sahaja yang terlibat dalam bidang seni drama terutamanya penggiat seni dakwah. Adalah menjadi harapan semoga kesenian dialog yang terpancar dalam dialog drama Wayang Kulit Wali Songo dan drama Melayu ini dapat diadaptasikan dan menjadi sumber ilham kepada mereka untuk diterjemahkan ke dalam karya masing-masing.*

**Katakunci :** Seni dialog drama, Wayang Kulit Wali Songo, drama Melayu, dakwah.

## 1. Pengenalan

Secara umum dialog ialah perbualan yang berlangsung antara dua pihak atau beberapa pihak dalam satu situasi. Perbualan atau dialog sangat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian. Ia juga merupakan satu bentuk medium komunikasi yang sangat penting sejak awal manusia diciptakan sehinggalah ke hari ini.

Justeru, hari ini pelbagai bentuk telekomunikasi dicipta bagi memudahkan manusia berbual dan berhubung. Keperluan manusia kepada perbualan atau dialog telah mencetuskan beberapa disiplin ilmu termasuklah ilmu komunikasi, komunikasi media dan lain-lain lagi. Bukan sekadar itu, kewujudan laman sosial seperti *facebook*, *twitter*, *my space*, *blog* dan yang seumpamanya membuktikan lagi dialog atau perbualan semakin diperlukan sebagai medium komunikasi yang sangat besar peranannya.

Menyedari pentingnya dialog, maka penulisan ini disusun bagi menjelaskan bagaimana seni dialog mampu menarik sasaran dakwah ke arah menjalani hidup dengan lebih sempurna. Justeru, kajian ini diketengahkan bagi menyerlahkan keindahan seni dialog melalui drama wayang kulit Wali Songo dan drama Melayu. Turut dimuatkan lima garis panduan bagaimana untuk menghasilkan dialog berunsur Islam disamping dilengkapi juga dengan hasil temubual bersama seorang penggiat seni tanah air.

## 2. Pernyataan Masalah

Islam sentiasa mengiktiraf seni bagi tujuan dakwah. Sejarah telah membuktikan seni berjaya mendekatkan Islam dengan budaya dan masyarakat setempat. Contohnya pencernaan budaya yang dibawa melalui wayang kulit Wali Songo suatu ketika dulu ternyata berjaya menarik minat masyarakat Jawa kepada Islam. Justeru, seni seharusnya difahami dalam skop yang lebih luas bukan hanya untuk hiburan semata-mata. Selain seni hiburan, Islam turut mengiktiraf seni bina, ukiran, lukisan, kaligrafi, sajak, syair, penulisan sastera dan segala bentuk seni yang tidak bertentangan dengan prinsip Islam termasuklah seni dialog.

Seni dialog perlu dipersembahkan melalui keelokan berbahasa berdasarkan kaedah komunikasi yang jelas, menarik dan mudah difahami. Dialog Rasulullah saw contohnya wajar dijadikan ikutan terbaik ketika berinteraksi. Sehubungan itu, kesenian interaksi atau dialog perlu diketengahkan oleh pendakwah dalam usaha menampilkan kesopanan Islam. Pada masa yang sama, pendakwah harus bijak meletakkan dialog yang bersesuaian dengan tahap penerimaan sasaran. Ini penting agar Islam senantiasa dipandang indah dan ajarannya dapat diterima dengan mudah oleh semua golongan.

Hal ini penting memandangkan budaya berbahasa masakini semakin diceroboh oleh unsur-unsur luar dan semakin jauh daripada roh Islam. Lihat sahaja keanehan bahasa sapaan remaja kini. Istilah "*whatsup bro*" contohnya menjadi pilihan berbanding Assalamualaikum. Ini ditambah lagi dominasi telekomunikasi melalui aplikasi whatsapp, wechat dan lain-lain. Semuanya semakin menjarakkan ruang untuk komunikasi secara langsung dan akhirnya seni berdialog mengikut acuan Islam seakan semakin dipinggirkan dalam budaya hidup masakini.

## 3. Objektif Kajian

Kajian ini disusun bagi memenuhi objektif berikut :

1. Memperincikan keistimewaan seni dialog dalam drama Wayang Kulit Wali Songo.
2. Menganalisis kehalusan seni dialog dalam skrip drama Melayu.

#### 4. Sorotan Penulisan

Komunikasi kebiasaannya diterjemahkan dalam bentuk dialog samada melalui tulisan atau pertuturan. Secara umum seni dialog dapat dipersembahkan dalam pelbagai bentuk. Jika ditulis maka ia dinamakan sebagai skrip, novel atau cerpen. Kadangkala penulisannya juga dinamakan forum jika komunikasi dilintas langsung melalui laman sesawang. Jika dialog dilakonkan, maka ia dikenali sebagai drama, filem, teater, Mak Yung, opera, bangsawan, menora dan wayang kulit. Sehubungan itu Said Ismail (2008) menjelaskan dialog atau *al-hiwar* ialah perbualan yang berlaku antara dua individu atau lebih dalam sesuatu kisah atau diantara dua pelakon atau lebih dalam sesebuah drama atau apa sahaja yang seumpamanya.

Apa yang menarik hadith Rasulullah saw yang berbentuk dialog juga merupakan sebuah skrip. Jika diperhalusi hadith dialog lebih istimewa dan lebih memberikan kesan berbanding skrip yang dihasilkan melalui kreativiti manusia. Hal ini demikian kerana hadith merupakan wahyu Ilahi yang pastinya lebih hebat dan menyerlah berbanding apa yang dicipta oleh manusia.

Penggunaan skrip dalam apa jua bentuk dialog memainkan peranan yang penting dalam mengusik rasa dan minda. Malahan menurut Abdul Rahman Napiah (2006) drama yang disampaikan dalam bentuk dialog merupakan satu daripada genre kesusasteraan, penyalur pemikiran, ekspresi yang bersifat kejiwaan dan komunikasi sesama manusia untuk memahami erti hidup. Oleh itu apa jua bentuk dialog yang memahami sifat naluri manusia, dapat diterima oleh Islam asalkan menjaga segala batas dan nilainya.

Menyentuh hal ini beliau menyatakan seni dialog di Malaysia mula diminati setelah Za'ba menterjemah beberapa buah drama karya Taufik al-Hakim, seorang penulis drama arab yang terkemuka pada kurun ke 20. Penterjemahan tersebut telah memperkenalkan teori dan mekanisme penskripan terhadap penulis tempatan. Antara karya yang diterjemahkan ialah *Kisah Ashab al-Kahfi, Muhammad, Baad al-Maut, dan Latfa al-Zifaf* yang mana skripnya merupakan penggalan semula sejarah Islam, malah kisah tersebut diilhamkan daripada kitab suci al-Quran.

Kesemua karya tersebut mengetengahkan dialog sebagai penghidup cerita. Ini kerana dialog yang dipersembahkan dalam bentuk skrip akan mempengaruhi pembaca kerana skrip kebanyakannya berkisar tentang kehidupan manusia. Sehubungan itu dialog harus diolah dengan baik agar dapat membawa manusia ke arah kebaikan dengan menerapkan unsur keislaman di dalamnya. Menepati citarasa ini seni dialog perlu ditulis dengan teliti agar tidak menyalahi prinsip akidah, syariat dan norma hidup Islam.

Teras utama penulisan dialog ialah menonjolkan gambaran sebenar kehidupan manusia melalui konflik yang dihadapi. Ini kerana dialog bukan hanya sekadar menzahirkan aspirasi seni, malah lebih daripada itu dialog mampu menghuraikan konflik yang berlaku dengan cara yang lebih menarik berbanding huraian yang diberikan bukan dalam bentuk dialog yang mendatar sifatnya.

Sebagai contoh drama berunsurkan Islam karya Hassan Ibrahim bertajuk "*Tragedi Tun Hamzah*". Menurut Abdul Rahman (2006) pusat konflik dalam drama ini ialah pertentangan

Tun Hamzah yang radikal ketika mencabar posisi raja dengan membuat keputusan menurut kehendaknya sendiri. Konflik ini diuraikan dalam dialog berikut :

Tun Hamzah : *Jika manusia boleh menderhaka kepada Tuhan, kenapa tidak kepada raja? Adakah raja lebih besar daripada Yang Maha Esa ?*

Menurut Abdul Rahman lagi dialog ini menggambarkan satu kiasan dan identifikasi watak utamanya. Berasaskan keyakinan diri, Tun Hamzah telah berhadapan dengan pihak istana ekoran tindakan Sultan Melaka yang telah membunuh ayahnya dan memperisterikan ibunya. Konflik dalaman ini membuatkan Tun Hamzah bertindak membersihkan maruah dengan menunjukkan reaksinya bahawa taatkan raja harus ada sempadan. Sempadan inilah yang dikatakan sebagai batas syara' yang telah berjaya menonjolkan kejatian watak seorang muslim yang dipegang oleh Tun Hamzah sekaligus menerapkan nilai Islam yang dikaitkan secara tidak langsung.

Bagi melahirkan seni dialog yang bertepatan dengan mesej dakwah dan citarasa Islam, mereka yang berminat menulis dialog bukan hanya perlu mempunyai bakat, malah perkara asas tentang Islam perlu diketahui dan dihayati dalam kehidupan seharian. Hasilnya lahirlah seni dialog yang mantap dari sudut objektif dakwahnya dan menarik pula untuk dihayati teknik penceritaannya.

## **5. Metodologi Kajian**

Metodologi dalam kajian ini telah memilih analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Pengumpulan data utamanya terdiri daripada dialog-dialog dalam drama Wayang Kulit Wali Songo dan drama Melayu yang dipilih secara *purposive* daripada koleksi-koleksi dialog melalui sumber yang diperakui selain daripada temubual bersama tiga orang penggiat seni drama tanah air. Data dianalisis dengan merujuk sepenuhnya kepada tulisan-tulisan hasil karya penulis terkenal.

## **6. Keistimewaan Seni Dialog Dalam Drama Wayang Kulit Wali Songo**

Peranan Wali Songo dalam arena dakwah di Kepulauan Jawa telah memberikan pulangan yang bukan sedikit. Tokoh-tokoh dakwah ini telah memberikan sumbangan hampir dalam semua aspek kehidupan termasuklah pembinaan masjid sebagai tempat ibadah, politik dan ketenteraan, ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan dan ilmu pengetahuan, kebudayaan dan kesenian serta bahasa dan kesusasteraan. (Edirossa : 2010)

Menurut Imron (2002), munculnya istilah Wali Songo atau sembilan *waliyullah* ditujukan kepada sembilan pemuka agama Islam yang suci keramat dan bersatu dalam mensyiarkan agama dan menyelenggarakan Islam di Jawa. Mereka memperoleh gelaran wali daripada kata "*auliya*" Allah (orang yang dekat dengan Allah swt, pengikut dan kekasihNya) yang berperanan melanjutkan misi kenabian.

Menurutnya lagi, Songo pula menunjukkan hitungan Jawa yang bererti sembilan. Angka ini merupakan angka yang unik bagi masyarakat Jawa yang diambil dari *Ja* yang memiliki nilai tiga dan *Wa* yang bernilai enam. Beliau turut mengambil pandangan K.H.R. Adnan yang bersependapat dengan H. Karkono (1995) di mana kata Songo berasal dari kata *sena* yang diambil dari Bahasa Arab *tsana* (mulia) dan ia sepadan dengan kata *mahmud* (terpuji). Pengertian ini membentuk pengucapan yang betul iatu *wali sana* yang bereti wali-wali terpuji.

Menurut beliau lagi kata-kata ini dipersetujui oleh Tanojo namun bagi Tanojo *sana* bukan dari kata arab, tetapi dari Jawa kuno bereti tempat, daerah, atau wilayah tertentu. Maka dengan itu Wali Songo disebut pula dengan *Sunan* dari kata *Susuhunan* atau *sinuhun* dengan disertai sebutan *kanjeng* (yang berkuasa pada satu-satu wilayah). Kata-kata juga merupakan panggilan yang ditetapkan bagi raja, anak raja dan orang besar.

Tokoh-tokoh Wali Songo seramai sembilan orang itu terdiri daripada Maulana Malik Ibrahim (berasal dari Maghribi dan mula berdakwah tahun 1379 dan wafat tahun 1419), Sunan Ampel atau Raden Rakhmat (lahir tahun 1401 dan merupakan putera Raja Campa), Sunan Bonang atau Raden Makdum (putera sulung Sunan Ampel), Sunan Drajat atau Raden Qosim (putera Sunan Ampel) Sunan Kalijaga, Sunan Giri atau Jaka Samudra (hidup antara tahun 1365-1428), Sunan Kudus (wafat tahun 1550), Sunan Muria (putera Sunan Kalijaga) dan Sunan Gunung Jati (wafat tahun 1570). (Purwadi : 2004)

Wali Songo telah mendakwah masyarakat Jawa dengan menggunakan pendekatan budaya secara optimum. Pendekatan ini sesuai dengan pandangan Purwadi (2004) yang menegaskan budaya setempat tidak boleh dipandang sebagai unsur 'rendah' yang harus mengalah kepada Islam. Melalui saluran kebudayaan ini, Wali Songo secara halus dan berhikmah telah berjaya menerapkan nilai Islam dan hidup dan budaya masyarakat Jawa.

Menurut G.W.J Drewes (1978) Sunan Bonang telah mendekati masyarakatnya dengan amalan Islam antaranya berkumpul bersama di masjid, sembahyang lima waktu dan mengaji Al-Quran bersama masyarakatnya. Wali Songo bukan hanya mendekati masyarakat dengan aktiviti keagamaan sebegini malah mereka turut mendekati mereka dengan menyelitkan sisipan Islam melalui aktiviti kebudayaan. Secara tidak langsung, penyebaran dakwah Islam dan kelangsungan budaya Jawa dapat berjalan secara seiring. Hal ini penting bagi menjamin sambutan yang baik terhadap Islam tanpa meminggirkan budaya yang telah dihidupkan sejak zaman kerajaan Majapahit.

Kenyataan bahawa dakwah perlu berjalan seiring dengan budaya adalah satu kenyataan yang tidak boleh dinafikan lagi. Kenyataan ini disokong melalui kejayaan Wali Songo yang telah memasukkan unsur Islam bercirikan nasihat dalam seni wayang kulit masyarakat Jawa. Menurut Zunaidah (2006), penyebaran dakwah melalui wayang kulit bukan sahaja berlaku di Jawa malah beberapa buah negara Arab termasuk Morocco, Tunisia dan Syria telah menggunakannya sebagai wasilah sebaran Islam. Contohnya Turki pernah masyhur dengan Wayang Kulit Karagos yang bererti Pahlawan Bermata Hitam. Karagos menceritakan tentang kisah-kisah kepahlawanan seperti Salahuddin al-Ayyubi yang mengalahkan Ricard Berhati Singa yang terkenal gagah berani. Setiap bulan Ramadhan, Karagos akan dipersembahkan terutama untuk menyambut ketibaan bulan tersebut sebagai tanda mengingati pejuang-pejuang Islam.

Manakala di Jawa Ahmad Mansur (1995) mengatakan Wali Songo telah menggunakan wayang kulit yang merupakan sebahagian budaya berhibur masyarakatnya perlu diangkat sebagai media komunikasi dakwah yang mempunyai pengaruh besar terhadap pola fikir masyarakat. Singgih Wibisono (1983) menyatakan Wali Songo telah membawa wayang kulit dengan gubahan baru yang disesuaikan dengan keperluan perkembangan Islam dan menjadi media komunikasi yang sangat efektif oleh para wali. Perkara ini dirakam melalui kalimat-

kalimat yang termuat dalam hasil kesusasteran Jawa Tengah yang bernama *Nawaruci*. Antara bait kalimahnyalah :

*aja kay mengkono ngaurip iki,  
badan iki dan kadya wayang kinu dang,  
aneng panggung nggene arju tali bayu,  
padanging kang panggung damar surya candra.*

Maksudnya;

Orang hidup janganlah seperti itu,  
Pandanglah dirimu sebagai wayang yang dimainkan,  
Dipanggung, tali sebagai kekuatan jiwa,  
Lampu yang menerangi panggung semisal matahari dan bulan.

Tulisan ini telah menggambarkan keistimewaan dan keunikan persembahan wayang kulit dalam kalangan masyarakat Jawa. Abdul Rahman Napiah (2006) menyatakan wayang kulit merupakan sejenis teater yang berasaskan prinsip cahaya dan bayang. Bayang direfleksi oleh patung yang diukir daripada kulit. Wayang kulit turut memerlukan pentas dan muzik untuk mengiringi persembahn. Para penonton pula akan mengadap pentas yang terentang layar putih.

Daya tarikan ini telah diambil kesempatan dan peluang oleh Wali Songo untuk menerapkan unsur Islam bersendikan dakwah samada melalui dialog atau patung yang digerakkan. Biarpun unsur Islam sekadar diselitkan, namun ini bukan bererti ia hanya berperanan sebagai perhiasan sahaja. Malah secara simbolik usaha penerapan nilai Islam ini mengisyaratkan Islam perlu senantiasa dibawa bersama dalam segenap aspek kehidupan.

Wayang kulit Wali Songo juga dilihat mengandungi strategi dakwah serampang dua mata. Selain mengangkatnya sebagai medium dakwah di atas pentas budaya, wayang kulit juga telah berjaya menunjukkan dakwah melalui bahasa ibunda sangat memberikan kesan yang sangat mendalam. Melalui penggunaan bahasa Jawa dalam wayang kulit penerimaan Islam dalam kalangan masyarakat Jawa menjadi semakin lancar dan mudah.

Sehubungan itu peranan bahasa ibunda dalam penyampaian dakwah tidak boleh dipandang ringan. Bertitik tolak dari kepentingan ini, seni dialog dalam wayang kulit Wali Songo telah menggunakan kaedah *bil hikmah* dengan memberikan nafas baru dari sudut keindahan seni bahasa dan dialognya.

Dialog wayang kulit telah diubah dan diolah daripada berunsur Hindu dan Budha kepada berunsur Islam. Malah pembawa cerita dari India juga sudah diIslamkan. Ini terbukti melalui skrip Pendawa Lima yang memegang watak sebagai pendakwah. Dalam wataknya Pendawa Lima telah yang menggunakan *Azimat Kalimah Syahadah* dengan begitu berkesan. Pemilihan perkataan juga dititik beratkan, contohnya perkataan *Petrok* dan *Bagong*. *Petrok* berasal dari kata arab *fatrak* iaitu *nahi munkar* dan *Bagong* berasal dari kata *bagho* bererti pertimbangan makna dan rasa antara buruk dan salah. (Purwadi : 2004). Selain untuk tujuan kebudayaan,

perubahan dan tindakan itu dilakukan oleh Wali Songo agar wayang kulit tidak diharamkan sebagai satu persembahan yang dibenarkan di sisi Islam. (Azrul Affandi : 2010)

Selain perubahan dialog, menurut Abu Bakar (t.th) Wali Songo juga telah mengubah beberapa bentuk gambar dari yang berbentuk manusia kepada bentuk lain yang dibenarkan syara'. Malah kesemua jalan ceritanya juga turut diubah kepada cerita yang berunsur Islam. Dengan perubahan yang tidak menyentuh sebarang sensitiviti ini ternyata wayang kulit Wali Songo telah mencuri hati masyarakat untuk menjadi peminat setia budaya Islam yang baru diperkenalkan.

Terdapat pelbagai seni dialog dalam drama wayang kulit Wali Songo antaranya dialog ciptaan Sunan Kalijaga sebagaimana berikut : (Bambang Wiwoho : 2013)

*“Oooooooooo  
kali ilang kedunge  
pasar ilang kumandange  
wong wadon ilang wirange  
wong jujur malah kojur  
wong clutak tambah galak  
Oooooo.....”*

Artinya adalah:

Sungai sudah tidak berlubuk lagi (karena kerusakan alam yang mengakibatkan pendangkalan).  
asar sudah kehilangan gaungnya (karena rakyat susah hidup dan menjadi miskin).  
Kaum perempuan sudah tidak punya rasa malu (karena rusak moralnya).  
Orang jujur justru celaka.  
Orang serakah semakin menjadi-jadi (karena budi baik dikalahkan oleh kejahatan, ketidakadilan merajalela, tatanan hukum kacau balau).

Ada beberapa versi dari dialog ini, misalkan versi pesantren tradisional Jawa

Setelah “*wong wadon ilang wirange*”, baris selanjutnya adalah:

*wong lanang ilang wibawane* (pria/lelaki hilang wibawanya).  
*mulo enggal-enggalo topo lelono njajah desa milang kori* (maka segeralah pergi bertapa dengan cara berkelana ke desa-desa melewati tak terhitung jumlah pintu rumah).  
*Goleko wisik soko Sang Hyang Widhi/Ilahi* (mencari petunjuk atau hidayah dari Tuhan Yang Maha Esa/Ilahi).

Dalam pentas wayang, dialog tersebut secara umum menggambarkan kehidupan masyarakat yang rosak kerana buruknya kepemimpinan sang raja dan para pegawainya. Dialog ini pula dicipta oleh ulama pujangga Ranggawarsito pada pertengahan abad ke 19, juga digunakan untuk menggambarkan tanda-tanda akan datangnya “Zaman Kolobendu”, iaitu zaman yang penuh dengan aneka kejahatan dan bencana. Selain itu, dialog ini dijadikan sebagai perintah berdakwah menyebarkan agama Islam dengan bermusafir.

Dialog Sunan Kalijaga, kekasih Allah ini, dicipta sekitar enam abad yang lalu. Ianya sungguh menarik, sarat dengan makna dan sangat bervisi, bahkan sesuai dengan gambaran keadaan sekarang. Maka, rasanya perlu jadi bahan renungan kita semua dewasa ini.

Kesimpulannya, pendekatan Wali Songo melalui Wayang Kulit ini telah menunjukkan bahawa kaedah hikmah melalui uslub *hiwar* atau dialog yang disampaikan melalui skrip berbentuk nasihat memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi sasaran. Secara tidak langsung kaedah ini juga menunjukkan para wali tidak mengambil pendekatan kekerasan bagi membenters tradisi yang selama ini bercanggah dengan Islam.

## **7. Kehalusan Seni Dialog Dalam Skrip Drama Melayu**

Drama merupakan salah satu daripada cabang seni hiburan yang sering mendapat perhatian umum. Drama ialah aksi seni yang dikenali sebagai lakonan. Lakonan pula bermaksud aksi yang dicipta oleh manusia untuk berkomunikasi secara simbolik dan aksi tersebut dilakukan dihadapan penonton. Komunikasi secara simbolik pula ialah komunikasi melalui imej atau cerita imaginatif. Jadi, drama ialah sejenis karya seni yang menggunakan gerak, bahasa, pentas, kostum, bunyi dan cahaya. Dengan perkataan lain drama merupakan sebuah lakonan yang dilakukan oleh pelakunya yang tertentu. Kadang-kadang lakonan tersebut tidak memerlukan suara seperti lakonan mimosa atau gerakan seperti drama radio. (Abdul Rahman Napiah : 2006)

Abu Bakar (t.th) turut menguatkan pandangan ini dengan menjelaskan seni lakon turut melibatkan drama, teater dan filem. Seni lakon menggabungkan berbagai bentuk seni. Bermula dengan seni sastera dalam penyediaan skrip berpindah kepada seni gerak, seni suara, seni lukis, seni adunan cahaya dan sebagainya. Filem pula memerlukan seni fotografi dan teknik rakaman. Oleh kerana sifatnya yang menghimpunkan berbagai bentuk seni estetika maka kesannya juga mendalam kepada penggemarnya.

Jika dikaji dari sudut sejarah, aktiviti drama telah berjalan seiring dengan perkembangan keagamaan. Francis Edward berpandangan drama telah muncul sebagai aktiviti secara naluriah yang seiring dengan kegiatan keagamaan yang berupa bentuk persembahan kepada supernatural, justeru mereka menetapkan teori drama sebagai teori ritual. Kenyataan ini dirakamkan oleh Abdul Rahman (1987) dalam tulisannya bertajuk "*Analisa Latar Belakang Sejarah Pertumbuhan, Perkembangan dan Perubahan Drama*". Dalam tulisan yang sama beliau turut memetik kata-kata R.F. Clarke yang mencatatkan negara Mesir, Greece dan India merupakan tiga buah tamadun pra-sejarah yang telah memiliki dasar drama mereka sendiri.

Islam juga telah menerima drama sebagai satu cabang seni dengan syarat ia perlu digarap dengan unsur keislaman. Siti Rugayah (2000) dalam hasil kajiannya menunjukkan drama telah digunakan sejak awal lagi untuk menyampaikan mesej, menyebarkan maklumat dan sebagai alat pendidikan yang berkesan. Menurut hasil kajian beliau, dakwah sesuai disampaikan menerusi drama.

Walaupun bagaimanapun bagi Abdul Rahman (2006) drama menurut falsafah seni Islam haruslah dapat memancarkan sikap hidup bertaqwa, menekankan kebaikan amalan bermasyarakat dan mesti berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Menurutnya drama berunsurkan Islam tidak bermaksud membicarakan Islam secara total, ia cuma perlu memasukkan unsur Islam sahaja sebagai nasihat dan panduan. Contohnya dengan mewujudkan watak ahli agama seperti ustaz,



imam, dan bilal. Menerusi watak tersebut diperlihatkan tindakan, sifat dan dialog yang berunsurkan Islam.

Antara filem dakwah yang terkenal diperingkat antarabangsa ialah *The Messange* dan *Lion of the Desert* hasil karya Moustapha Akkad. (Abdurrahman Wahid : 1983). Manakala di Malaysia Syed Alwi al-Hadi telah menerbitkan sebuah drama dengan mengadunkan unsur dan sejarah Islam dengan begitu baik sekali. Beliau telah menulis sebuah drama berjudul *Tareq Ben Ziad Pahlawan Islam*, seorang pahlawan Islam yang berjaya memperkenalkan Islam di Eropah. Apa yang menarik drama ini telah ditulis dan dipentaskan ketika zaman Jepun pada tahun 1942. Kejayaan ini telah merangsang Syed Alwi al-Hadi untuk menghasilkan sebuah drama Melayu yang berunsurkan Islam iaitu *Hikayat Hang Tuah*. (Abdul Rahman : 2006)

Kini drama bercorak Islam biarpun tidak begitu menonjol tetap mempunyai peminatnya yang tersendiri. Menurut Abdurrahman Wahid (1983), filem dakwah akan menjadi tontonan berharga jika penerbit mampu mengembangkan keberanian untuk melepaskan diri daripada bentuk penyampaian yang formal dan satu sisi sahaja.

Berikut merupakan contoh dialog berunsur Islam yang diambil dari skrip drama yang bertajuk *Gelanggang Tuk Wali*, sebuah karya Ismail Kassan (2009). Drama ini telah menghuraikan konflik dalman Tuk Wali yang berada dalam dilema antara tuntutan agama dan tuntutan ilmu persilatan yang seakan sudah sebati dalam dirinya.

Sinopsis :

Wak Raja Waliudin bin Raja Agus Salam (Tuk Wali) ialah puing-ping peninggalan zaman lampau dunia persilatan. Tuk Wali meneruskan kecintaannya terhadap silat berbekalkan semangat zaman lampau dan sisa kekuatan yang masih menempeli jasad dan jiwanya.

Perubahan nilai dalam kehidupan moden ini membunuh sedikit demi sedikit semangat dan menghakis kekuatan yang menempel itu. Tuk Wali dihampakan oleh situasi dan suasana sekitar yang tiba-tiba menjadi ganas.

Perjuangan Tuk Wali dalam gelanggang luas sudah lama selesai. Kini, dia sebenarnya sedang berjuang dengan ganas dalam gelanggang sempit dirinya sendiri. Perjuangan itu terlalu sengit dan kejam. Tuk Wali tumpas ditengah-tengah pertarungan. Dia gagal untuk melawan perasaan dalam dirinya yang selama ini mampu dikuasainya dengan baik. Tuk Wali ditumpaskan oleh kekuatan dalam dirinya sendiri.

Apakah silat Melayu itu akan senasib dengan Tuk Wali ? Apakah orang Melayu masih tebal dengan prasangka buruk sesama sendiri ? Apakah rasa dendan masih merajai hati kita dan generasi seterusnya? Apakah nilai murni ini berubah apabila berada di tempat yang berbeza? Apakah semua merasai dalam naluri itu akan terus menghantui hingga kita lupa dan alpa kepada musuh kita yang sebenarnya? Siapakah dia musuh sebenar dalam “Gelanggang Tuk Wali “?

Senarai Watak :

TUK WALI, berumur dalam lingkungan 70-an, tua, tetapi masih gagah dan tegap.  
MAK UMI, isteri Tuk Wali, dalam lingkungan 50-an.

RIPIN, anak murid silat TUK WALI, bersemangat dan matang dalam pemikiran, berumur sekitar awal 30-an.

IMAM, lebih muda dari TUK WALI.

SIAK, hampir sebaya dengan TUK WALI, tetapi lebih muda (bekas tunang MAK UMI) Pentas biasa atau “*experimental theater*”. Rumah comel TUK WALI berbentuk limas dengan lantai yang agak rendah. Ada sebuah beranda yang terbuka luas di hadapan rumah itu. Sebuah gelanggang silat yang dijaga dengan rapi terletak dihadapan rumah. Beberapa kerusi panjang daripada buluh terletak di sekitar gelanggang. Dua tiga buah beg pasir, bergantung pada tiang menjadi alat untuk para pesilat berlatih menguatkan penumbuk.

## Babak Dua

Tempat : *Setting yang sama.*

Waktu : *Petang*

*(MAK UMI menyapu sampah dan mengemaskan halaman rumah).*

MAK UMI : Oooo, Waknya! Pukul 3.00 dah ni! Bersiap mengalahkan orang betina!

TUK WALI *(dari atas rumah)* : Tengah bersiaplah ni!

MAK UMI : Semakin tua makin galak bersolek berdandan ...Dah buang tabiat ke orang tua ni ?

*(TUK WALI keluar dengan baju Melayu, lengkap bersamping dan bersongkok miring. Penampilannya cukup hebat).*

MAK UMI : Awak ni nak bersilat ke nak pegi menikah ?

TUK WALI *(berdiri gagah sambil memejamkan mata membaca doa pelangkah)* : Hari ini Khamis, langkah kanan, langkah pendekar. *(Menekan lubang hidung kanan! Menarik nafas dari lubang hidung kiri)*. Nafas lancar kiri kanan. Gerak hari ini, gerak menyerang! Tak perlu bertahan atau berundur, boleh mengumpan tapi berpada... yang eloknya biar menyerang terus sampai musuh tumbang.

MAK UMI : Tak mengapa undur selangkah ke belakang untuk maju dua langkah ke hadapan!

TUK WALI : Itu silat kamu, silat aku lain.

MAK UMI : Mesti menepis, mengelis, tepat, mengelak untuk masuk menyerang.

TUK WALI : Tak payah menepis, mengelak, buang masa! Kalau menyerang dengan petua yang betul, insya-Allah mengena.

*(RIPIN menunggang motosikal ke halaman rumah).*

RIPIN: Wah! Hebat betul Wak! Gugur iman janda-janda kampung hulu tu nanti.

MAK UMI : Entah! Pengantin pun tak bersolek macam tu!

TUK WALI : Aku dah tua Ripin, Orang dah tua macam aku ni ibarat orang baru baik sakit! Semangat nak makan tu ada, tapi nak menyuap tak larat.

*(TUK WALI dan RIPIN ketawa besar)*

RIPIN : Tak larat nak siat daging, kunyah sikit-sikit Wak!

MAK UMI : Gigi pun dah goyang Ripin, apa bendanya yang nak dikunyah ? Tuk Wali kau ni macam rimau tak ada gigi! Pendekar tua, Ripin.

TUK WALI : Rimau tak bergigi tu Ripin, gigitnya memang tak luka, tapi, geli!

*(TUK WALI dan RIPIN ketawa. MAK UMI marah sambil mengayun penyapu seolah-olah hendak memukul. TUK WALI bersembunyi di belakang Ripin. RIPIN masih di atas motosikal. Sukar baginya mengelak).*

RIPIN : Jangan main-main penyapu tu Mak Umi! Kalau kena, hai! Empat puluh hari rezeki tak masuk !

MAK UMI : Jangan lewat sangat balik nanti!

*(RIPIN dan TUK WALI naik motosikal lalu keluar dari kawasan halaman rumah. MAK UMI menunjukkan penyapu tanda marah. MAK UMI masih terus membersihkan sekitar halaman rumah. Masuk IMAM dan SIAK ke ruang halaman).*

IMAM : Assalamualaikum!

MAK UMI : Waalaikumsalam! Eh! Tuk Imam, Siak pun ada? Silakan naik! Tuk Walinya tak ada di rumah.

IMAM : Tak payahlah naik Umi! Duduk di bawah ni lebih selesa.

SIAK : Kami nampak Tuk Wali keluar dengan Ripin tadi!

MAK UMI : Ha, tu! Ngapa tak dilambai ?

SIAK : Hei, tergalang pulak hajat orang tu nanti! Entah kot jauh! Entah kot penting hajatnya, kita tak tau.

MAK UMI: Tidak, Mereka ke hulu! Ke rumah Haji Kodri! Imam dengan Siak tidak ke dijemput?

IMAM : Dijemput makan saja kami ni! Nak menjengah ke dapur malu pulak rasanya, semuanya pakai katering!

SIAK : Lainlah Tuk Wali, dia orang pangkal. *(Menyindir)*. Kalau dalam bangsawan, dia tu primadonanyalah ! *(IMAM dan SIAK ketawa bersama-sama dengan makna menikam. MAK UMI hanya tercengang mencari maksud)*.

IMAM: Begini, Umi! Kami datang ni ada hajat sebenarnya.

MAK UMI : Berhajat benar nampak gaya datangnya ni! Jangan besar sampai tak terpeluk, berat sampai tak terjinjit udah *le!*

SIAK : Tidak besar dan tidak juga berat, tapi sangat penting.

MAK UMI : Penting? Untuk kamu atau untuk aku? Tak reti aku dengan teka-teki Imam.

IMAM : Untuk orang muda kampung ni! Dan ini bukan teka-teki Umi! Ini soal masa depan anak muda kita.

SIAK : Kamu jangan marah atau syak wasangka buruk pulak pada kami ni, Umi! Ini tanggungjawab kami sebenarnya!

MAK UMI : Usahlah berlapis berkias lagi Siak! Aku ni dah tua, bukan macam dua puluh tahun dulu! Cuba katakana apa ceritanya ? Apa halnya yang menghantar kamu ke mari ni?

IMAM : Tuk Wali masih mengajar silat lagi Umi?

MAK UMI : Mengajar. Kenapa ?

SIAK : Mengajar silat untuk orang muda, memang elok Umi!

MAK UMI : Adak ke yang tak eloknya?

SIAK : Yang tak eloknya, bila dah tua macam kita ni pun masih berrsilat juga di gelanggang. Bersepak terajang, kadangkala tu samapai bergumpal-gumpal. Tak manis ditengok orang.

MAK UMI : Maksud Imam, Tuk Wali? Dia dijemput main silat di majlis kahwin tu salah? Mazhab baru ke ni ?

SIAK : Dah sebaya kita ni Umi! Kan elok kalau habiskan masa di masjid! Beramal!

MAK UMI : Tuk Wali tak pernah tinggal berjemaah Maghrib sampai Isya', subuh pun! Sembahyang sunatnya? Tak pernah pulak aku mengiranya entah berapa puluh rakaat satu malam! Di mata aku tak ada apa salahnya.

IMAM : Umur macam kita ni Umi, ibarat burung dalam sangkar yang terbuka pintunya. Bila-bila masa saja burung itu boleh terbang tinggalkan sangkar. Tak manis kalau itu berlaku di tengah delanggang.!

MAK UMI : Cakap agama tu Imam, aku setuju ti. Tapi, Iman juga namanya kan? Kalau mengakui dengan hati bahawa ajal dan maut itu di tangan Tuhan, kita ni cuma berdoa minta penamat yang tepat untuk tempat dan suasananya. Dan, aku yakin doa yang baik diikuti pulak gerak yang baik, penamatnya insya-Allah baik.

SIAK : Imam tu tadi berkias saja Umi! Memang pun tak ada siapa yang tahu di mana tempat penamat kita masing-masing.

MAK UMI : Bukan aku yang timbulkan soal ajal maut ni tadi! Tapi, kerana melibatkan Tuk Wali yang kebetulan tak ada di sini, tak salah rasanya aku mernjawab. Tuk Wali itu cuma penuhi hajat orang! Meriahkan majlis. Tak langgar pun batas adat, jauh lagi syariat.

IMAM : Bukan niat aku nak gaduh fasal hukum dan betul salah! Aku ni bukan ulama' fatwa! Yang aku cakapkan ni soal adat! Pandangan orang! Tak manis! Ini saja. Bukan ke orang lain jadi cermin kita?

MAK UMI : Ooooo....! Soal adat dan kebiasaan saja! Bagus tu! Gamaknya, adat orang menegur biarlah berempat mata! Ngapa tak bersemuka dengan Tuk Wali sendiri ? Tak kena rasanya kalau aku yang disolek , tapi Tuk Wali yang bercermin, atau aku yang bercermin, tapi tuk Wali yang nak bersolek, tak gitu?

SIAK : Hai, nampak gayanya buluh minyak yang nak dilentur ni Imam, Nak terus berkuat ke kita ni Imam ?

MAK UMI (*marah*) : Rasanya dah dekat nak masuk waktu asar ni! Eloklah Imam pastikan ada jemaah di masjid tu! Tak manis kalau jemaah pulak menunggu Imam! Kerja lentur melentur tu berikan kepada pakar yang betul kenal buluh!

SIAK : Jangan salah sangka Umi! Niat kami baik!

MAK UMI : Yang tahu niat hati orang cuma Tuhan! Kita ni bukan reti membaca niat hati orang! Terima kasih atas ingatan Tuk Imam dan Siak tu! Nantilah, saya sampaikan kepada Tuk Wali.

IMAM : Tak payahlah berkabar terus kepada Tuk Wali! Engkau cakaplah kepada dia cara berlajak, cara memujuk.

MAK UMI : Dia bukan budak-budak nak dipujuk, Imam!

(*MAK UMI bergerak ke arah pintu rumah. IMAM dan SIAK saling berpandangan dan berlalu dari situ.*)

(*Pentas gelap.*)

Dialog dalam drama ini menunjukkan seni ini mampu menterjemah apa yang sebenarnya berlaku dalam masyarakat. Dalam hal ini Abu Bakar (t.th) telah memetik pandangan Abd. Rahim Anbar dalam bukunya *al-Masrahiah Baina al-Nazariah wa al-Tatbiq* menyatakan, drama lebih hampir dengan kehidupan kerana drama menceritakan tentang kehidupan dari semua bentuk seni; yang dibaca, didengar dan dilihat. Drama mempunyai nilai estetika, bukan sahaja mempunyai nilai hiburan tetapi juga mempunyai nilai pendidikan. Kesemua cerita-cerita atau kisah-kisah ini dilakonkan semula dan mempunyai kesan yang mendalam kepada penonton.

Seni dialog dalam babak ini jelas menzahirkan unsur-unsur keislaman melalui watak IMAM dan SIAK serta peranan mereka dalam memperbetul kepincangan yang berlaku dalam masyarakat. Dalam menghidupkan watak ini pelakon perlu berusaha menggambarkan dan mengekspresikan apa yang terdapat dalam dialog agar mesej keislaman dapat disampaikan dengan baik.

Drama "*Gelanggang Tuk Wali*" melalui seni dialognya yang pelbagai ragam antaranya memujuk, menyindir, mentertawakan dan menjelaskan mengandungi banyak unsur pendidikan yang tidak dapat disampaikan melalui saluran lain tetapi berjaya disampaikan dengan baik melalui seni lakon.

Melihatkan kepada mesej pendidikan dan dakwah yang ingin disampaikan, penggiat drama Islam tidak seharusnya hanya memikirkan bagaimana untuk mengaut untung yang besar. Sebaliknya penggiat drama harus menyedari bidang drama yang diceburi harus mampu memperbaiki norma hidup dan menyebarkan suatu pandangan hidup yang baik terutamanya melalui dialog yang disampaikan oleh pelakon.

Dalam hal ini Abu Bakar (t.th) mengemukakan pandangan Yusuf Al-Qardawi yang berpendapat, drama adalah alat untuk memberikan pendidikan di samping memberi hiburan. Begitu juga pandangan yang diambil beliau melalui As-Syarbasi mengenai pandangan ulama al-Azhar yang menyatakan drama merupakan senjata yang mempunyai dua fungsi berbeza iaitu untuk manfaat ummah dan negara disamping ia juga menjadi senjata merbahaya yang membawa keruntuhan fizikal dan rohani.

Ekoran itu, menghasilkan sebuah karya drama yang berunsur keislaman bukanlah suatu yang mudah. Drama ini hanya akan lahir daripada mereka yang memiliki ilmu yang mendalam dalam bidang tersebut. Namun malangnya tidak ramai dikalangan mereka yang berkemahiran dalam bidang pengajian Islam berminat untuk melibatkan diri dalam drama sebegini.

## 8. Hasil Perbincangan

Sayugia diingatkan bahawa drama juga merupakan satu cabang dakwah yang dapat menarik minat pelbagai lapisan masyarakat. Mereka yang memiliki ilmu agama amat digalakkan untuk terjun ke dalam bidang penerbitan drama sekurang-kurangnya dalam menghasilkan skrip/dialog agar masa depan seni drama tidak menjauh daripada aura Islam.

Seni dialog dalam drama Wayang Kulit Wali Songo dan drama Melayu telah banyak memberikan kesan yang mendalam kepada masyarakat setempat ekoran wujudnya seni dialog yang menyentuh realiti hidup tanpa membuang adat kebiasaan mereka. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan contoh-contoh dialog yang dipilih kesemuanya mengandungi seni dialog yang sangat tinggi nilainya disamping penggunaan uslub dakwah yang menarik lagi berhikmah.

Berdasarkan perbincangan dalam kertas kerja ini, pengkaji menemukan lima garis panduan dalam membina dialog sebagai rujukan pencinta skrip drama yang berunsurkan Islam. Namun begitu, pengkaji mengakui garis panduan tersebut tidak terhad kepada lima garis panduan ini sahaja.

Garis panduan tersebut adalah sebagaimana berikut :

Jadual 1 : Garis panduan dalam membina dialog berunsurkan Islam

Bil	Garis Panduan Berdialog	Rujukan dialog	Contoh dialog
1.	Ringkas dan bermotif	Wayang Kulit Wali Songo	<i>asar sudah kehilangan gaungnya</i>
		Drama Melayu	<i>Tak larat nak siat daging, kunyah sikit-sikit Wak!</i>
2.	Berkias	Wayang Kulit	<i>Sungai sudah tidak berlubuk lagi</i>

		Wali Songo	
		Drama Melayu	<i>ibarat burung dalam sangkar yang terbuka pintunya.</i>
3.	Berterus terang	Wayang Kulit Wali Songo	<i>Orang serakah semakin menjadi-jadi</i>
		Drama Melayu	<i>Yang tak eloknya, bila dah tua macam kita ni pun masih berrsilat juga di gelanggang. Bersepak terajang, kadangkala tu samapai bergumpal-gumpal. Tak manis ditengok orang.</i>
4.	Tegas	Wayang Kulit Wali Songo	<i>ketidakadilan merajalela, tatanan hukum kacau balau</i>
		Drama Melayu	<i>Tak payah menepis, mengelak, buang masa! Kalau menyerang dengan petua yang betul, insya-Allah mengena.</i>
5.	Ancaman	Wayang Kulit Wali Songo	<i>Orang jujur justru celaka.</i>
		Drama Melayu	<i>Jangan main-main penyapu tu Mak Umi! Kalau kena, hai! Empat puluh hari rezeki tak masuk !</i>

Selain garapan melalui kesenian dialog dalam drama Wayang Kulit Wali Songo dan drama Melayu, pengkaji turut meninjau pandangan daripada seorang penggiat seni tanah air yang sering menonjolkan unsur-unsur keislaman dalam produksi beliau. Beliau ialah seorang penerbit drama terkenal, Norazah Sahud. Antara drama yang diterbitkan oleh beliau Cikgu Gangster dan Bicara Aur Dengan Tebing.

Melalui temubual, beliau menegaskan drama Melayu wajib menyelitkan unsur keislaman dalam penuturan dialog kerana Melayu dan Islam adalah sinonim. Menurutnya, bagi merealisasikan perkara ini, pihak kerajaan perlu memberikan sokongan yang padu agar drama berbentuk Islamik mampu pergi jauh. Justeru, beliau menekankan pentingnya pimpinan kita berjiwa Islam. Walaubagaimanapun, usaha melahirkan drama Islamik tidak akan berjaya jika tidak disokong sepenuhnya oleh pekerja-pekerja industri yang berjiwa Islam dan memahami dengan baik apa itu Islam.

## 9. Kesimpulan

Seni dialog amat penting dalam dakwah. Ketika menyampaikan seruan Islam, pendakwah perlu bijak menyelitkan unsur dialog ini agar penyampaian semakin menarik dan meyakinkan. Tidak kira apa jua jenis dialog samada dari al-Quran, hadith, dipetik dari drama atau seumpamanya petikan tersebut perlu diambil secara berhati-hati supaya maksud asalnya tetap terpelihara.

Walaubagaimanapun seni dialog ini tidaklah eksklusif untuk pendakwah sahaja. Semua individu muslim seharusnya mengambil berat penggunaan seni dialog ini kerana ia melibatkan komunikasi seharian juga. Alangkah manisnya jika dialog yang dituturkan dalam perbualan sehari-hari didominasi oleh seni dialog atau seni bual yang bercirikan unsur keislaman. Penulis berkeyakinan jika aspek ini diamalkan nescaya budaya nasihat-menasihati yang mencerminkan kesopanan Islam akan terpancar dan imej Islam tidak mudah untuk dicalarkan.

## Rujukan

- Abdul Rahman Napiah. 1987. *Analisa Latar Belakang Sejarah Pertumbuhan, Perkembangan dan Perubahan Drama*. Dlm. *Drama Moden Malaysia : Perkembangan dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abdul Rahman Napiah. 2006. *Pemikiran Keislaman dalam Drama Melayu*. Dlm. *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Napiah. 2006. *Sejarah Drama Tradisional dan Moden Malaysia*. Dlm. *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdurrahman Wahid. 1983. *Film dakwah : Diperlukan Keragaman Wajah dan Kebebasan Bentuk*. Dlm. *Seni dalam Masyarakat Indonesia. Bunga Rampai*. (pnyt.) Edi Sedyawati & Supardi Djoko Damano. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Abu Bakar Yang. *Islam, Rekreasi dan Seni Lakon*.  
[http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com\\_article&grp=2&sec=&key=673&cmd=resetall](http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=673&cmd=resetall) [16 April12]
- Ahmad Mansur Suryanegara. 1995. *Rasionalisasi Kisah sejarah Wali Songo. Menemukan Sejarah Wacana Pergerakan Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan Khazanah Ilmu-ilmu Islam.
- Edirossa. 2010. *Wali Songo*. <http://www.mesra.net/forum/lofiversion/index.php/t105570.html>. [16 April12]
- Imron Arifin. 2002. *Perdebatan Wali Songo. Seputar Makrifatullah. Prof Dr. G.J. W. Drewes. Judul Asli : An early Javanese Code of Muslim Ethics*. t.tp: Al-Fikr.
- Ismail Kassan. 2009. *Gelanggang Tuk Wali*. Dlm. Mana Sikana (pnyt.). *Drama Pilihan Abad 20*. Jil 1, hlm 421-435. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Purwadi M. Hum. 2004. *Dakwah Sunan Kalijaga. Penyebaran Agama Islam di Jawa Berbasis Kultural*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar
- Said Ismail Ali. 2008. *Al-hiwar Manhaja wa Thaqafah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Singgih Wibisono. 1983. *Wayang Sebagai Sarana Komunikasi*. Dlm. *Seni dalam Masyarakat Indonesia. Bunga Rampai*. (pnyt.) Edi Sedyawati & Supardi Djoko Damano. Jakarta: Penerbit PT Gramedia
- Siti Rugayah Tibek. 2000. *Peranan Drama dalam Dakwah : Kajian Drama Dakwah TV1 dan TV3*. Tesis Dr. Fal, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Zunaidah Zainon. *Negara Perlukan Drama Berunsur Dakwah*

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0613&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0613&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm). [16.4.12]

<http://bwiwoho.blogspot.com/2013/03/suluk-tembang-dakwah-walisongo-1-dari.html>